



## IKLAN JAWATAN KOSONG PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP29

### INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan: : Penolong Pegawai Keselamatan  
(b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia  
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan Dan Pertahanan Awam (K)  
(d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pelaksana  
(e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan STPM/Diploma  
(f) Gred : KP29

2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
KP29	1,493.00	5,696.00	145.00

- Imbuan Tetap : Khidmat Awam : RM 160.00  
Perumahan : RM 300.00

3. Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-  
a) Warganegara Malaysia;  
b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

#### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KP29 :**

Kelayakan Masuk : (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau.

Gaji Permulaan : Gred KP29: RM1,493.00

#### **ATAU**

Kelayakan Masuk : (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

Gaji Permulaan : Gred KP29: RM1,493.00

#### **ATAU**

Kelayakan Masuk : (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang

sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

Gaji Permulaan : Gred KP29: RM1,493.00

#### **ATAU**

Kelayakan Masuk : (iv) Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

Gaji Permulaan : Gred KP29: RM1,770.95

#### **DAN**

Syarat Lantikan Tambahan : - mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

- tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
- lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

- menjalani dan lulus ujian fizikal.

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perkara 3.1c(i), 3.1c(ii) dan 3.1c(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak
5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Keselamatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.1c(i), 3.1c(ii) dan 3.1c(iv); atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

6. Ringkasan Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab memberi khidmat nasihat, memantau dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan serta arahan mengenai keselamatan perlindungan kepada seluruh warga universiti, mempertingkatkan tahap keselamatan fizikal, dokumen, peribadi, dengan tujuan melindungi aset dan rahsia rasmi universiti daripada pelbagai bentuk ancaman keselamatan.

**Khusus**

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia.

**PENDAFTAR**